

PTHM kenal pasti 40 lokasi baharu stesen pengecas EV



Ts. MOHD HAFIZAM

Liana Sahabudin

KESIDANG - Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) mengenal pasti 40 lokasi baharu sekitar Bandar Melaka bagi pembinaan stesen pengecas kenderaan elektrik (EV).

Ketua Pegawai Eksekutif PTHM, Ts. Mohd Hafizam Mustafa berkata, bagaimanapun pihaknya sedang mendapatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan syarikat swasta untuk merealisasikan hasrat itu.

"Pengecas EV ini ada dua jenis iaitu jenis aliran terus (DC) dan aliran ulang-alik (AC). Stesen pengecas DC ini tempoh masa mengecap adalah lebih cepat.

"Tetapi kalau untuk EV yang parkir lama seperti bermalam di hotel dan sebagainya boleh menggunakan AC, kalau parkir sekejap dalam 30 atau 40 minit perlu guna DC.

"Selepas ini kita akan bekerjasama dengan lebih banyak syarikat ternama di Malaysia yang boleh membawa masuk teknologi mereka ke Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Epower Charging Hub 2024 yang dirasmikan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Ts. Mohd Hafizam berkata, setakat ini Melaka mempunyai sebanyak 118 petak parkir pengecasan kenderaan elektrik dan jumlah itu akan bertambah selepas mendapat kerjasama pelbagai syarikat swasta.

"PTHM sentiasa bertindak menjadi peneraju utama dalam pembangunan teknologi hijau Negeri Melaka," katanya.